

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebelum vaksin untuk COVID-19 ditemukan bagaimanakah langkah pihak Kementerian untuk menyembuhkan majoriti pesakit yang dijangkiti penyakit bahaya itu di negara kita.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sejak kemunculan pandemik COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membangunkan protokol rawatan COVID-19 yang dikemaskini berdasarkan saranan badan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization - WHO*), kajian saintifik dan keberkesanan rawatan ke atas pesakit-pesakit di Malaysia dan di luar negara.

2. **Sehingga kini tiada ubat khusus bagi merawat COVID-19.** Protokol rawatan terkini berpandukan tahap klinikal COVID-19, status klinikal pesakit, keputusan ujian makmal dan radiologi serta pelan rawatan pesakit.

3. Pelan rawatan bagi pesakit COVID-19 di Malaysia adalah berdasarkan 5 tahap klinikal iaitu:

Tahap 1 : Tidak bergejala

Tahap 2 : Bergejala tanpa radang paru-paru

- Tahap 3 : Bergejala dengan radang paru-paru  
Tahap 4 : Bergejala dengan radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen  
Tahap 5 : Pesakit kritikal dengan penglibatan *multiorgan*

4. Secara amnya, kesemua pesakit COVID-19 akan diberikan rawatan simptomatik bagi merawat gejala pesakit tersebut seperti contoh pemberian ubat demam serta penjagaan nutrisi yang optimal dan penjagaan sistem peredaran darah yang seimbang. Pemantauan gejala dan perkembangan pesakit juga dipantau dengan rapi pemeriksaan darah dan pengimejan mengikut keperluan pesakit. Pemberian beberapa jenis ubatan yang lebih spesifik adalah berdasarkan tahap klinikal pesakit. Di antara ubatan yang termasuk di dalam protokol rawatan bagi pesakit COVID-19 adalah seperti berikut:

- i. **Rawatan Antiviral, Antibiotik dan *Immuno-modulatory*;**  
Ubat Antiviral seperti contoh Favipiravir dan ubat *Immuno-modulatory* seperti contoh Dexamethasone yang berfungsi untuk memperbaiki respons sistem pertahanan tubuh. Ubat Antibiotik diberi jika pesakit disyaki atau disahkan mendapat jangkitan bakteria.
- ii. **Rawatan Profilaksis Ubat Pencair Darah bagi *Venous Thromboembolism*;**  
Pesakit di dalam kategori tahap 4 dan 5 berisiko mengalami keadaan darah beku di dalam saluran darah (*Venous Thromboembolism*) yang boleh menyebabkan kematian. Oleh yang demikian, pesakit-pesakit ini diberikan ubat pencair darah seperti *Low Molecular Weight Heparin Enoxaparin* bagi mengelakkan terjadinya komplikasi tersebut.
- iii. **Sokongan Hemodinamik;**  
Bertujuan mengekalkan sistem peredaran darah dan mengelak dari terjadinya renjatan akut (*shock*) yang boleh mengancam nyawa. Rawatan cecair atau infusi intravena akan diberikan manakala ubat-ubat *inotrope* diberikan kepada pesakit sekiranya perlu.

**SOALAN NO : 12**

- iv. Selain daripada rawatan yang telah dinyatakan, pemberian ubatan profilaksis bagi mengelak *stress ulcer* serta mobilisasi pesakit turut diberikan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

5. Protokol ini sentiasa dikemaskini berdasarkan perkembangan terkini dan bukti saintifik dari masa ke semasa. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited dalam memberikan rawatan yang terbaik kepada pesakit COVID-19.

Sekian, terima kasih.